

12 MAR 2000

Umno-Pokok Sena

UMNO BAHAGIAN POKOK SENA CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

ALOR SETAR, 12 Mac (Bernama) -- Mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Pokok Sena hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden Umno dan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu juga mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Abdul Ghani Othman dan Datuk Dr Rais Yatim untuk jawatan Naib Presiden.

Umno bahagian Pokok Sena merupakan bahagian ketiga di Kedah selepas Sik dan Padang Terap mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah bagi dua jawatan tertinggi itu termasuk Najib untuk jawatan naib presiden sebelum ini.

Ketua Wanita Umno bahagian itu, Zainab Abdul Rahman mencadangkan pencalonan bagi semua jawatan termasuk bagi 25 jawatan anggota Majlis Tertinggi (MT).

Bagaimanapun selepas cadangan ditutup, seorang perwakilan dari Cawangan Seri Derga, Abdul Razak Mohd Nasir bangun untuk mengemukakan nama seorang lagi calon untuk naib presiden iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pengerusi Tetap Talib Abdul Hamid menolak cadangan itu kerana tiada perwakilan terlebih dahulu yang membuat cadangan untuk pencalonan jawatan itu dibuka semula.

Bagi jawatan MT bahagian itu mencalonkan:

- * Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman;
- * Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir;
- * Datuk Mohd Nazri Aziz;
- * Datuk Dr Ibrahim Saad;
- * Datuk Seri Shahidan Kassim;
- * Datuk Wira Mohd Ali Rustam;
- * Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali;
- * Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob;
- * Datuk Tengku Azlan Shah Abu Bakar;
- * Datuk Shahrir Abdul Samad;
- * Datuk Azmi Khalid;
- * Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik;
- * Datuk Zainal Abidin Zain;
- * Tan Sri Ramli Ngah Talib;
- * Datuk Maznah Hamid;
- * Datuk Dr Hilmi Yahaya;
- * Datuk Dr Affifuddin Omar;
- * Datuk Seri Adnan Yaakob;
- * Datuk Seri Dr Sulaiman Mohamad;
- * Datuk Ruhanie Ahmad;
- * Datuk Dr Jamaluddin Jarjis;
- * Datuk Yaakob Mohammad;
- * Datuk Annuar Musa;
- * Abdullah Omar dan
- * Mohamad Mohd Hassan.

Bagi jawatan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap bahagian berkenaan mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Timbalan Ketua Umno bahagiannya Wan Hanafiah Wan Mohd Saman.

-- BERNAMA

MN FAZ